

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 14 DISEMBER 2014 (AHAD)

Bil	Tajuk	Akhbar
1	Lawatan Najib tentukan hala tuju hubungan Malaysia-Korea dan Asean	Bernamea.com
2	Penyelidik perlu bantu dalam inovasi mereka – Abu Bakar	Bernamea.com
3	UTP anjur saintifik ke-23 persatuan mikroskopi Malaysia 2014	Bernamea.com
4	TPM bersedia, sokong pelaksanaan GST	Utusan Malaysia
5	Fakulti Kejuruteraan Kimia diiktiraf BEM	Utusan Malaysia
6	Diperas ugut kenalan Facebook	Utusan Malaysia
7	Amaran angin kencang, laut bergelora berterusan hingga khamis	Bernamea.com
8	Amaran angin kencang, laut bergelora dijangka hingga khamis	Bernamea.com
9	Amaran angin kencang, laut bergelora	Bernamea.com



Lawatan Najib Tentukan Hala Tuju Hubungan Malaysia-Korea Dan Asean



Daripada Ahmad Fuad Yahya

BUSAN, 12 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak mengakhiri lawatan empat harinya ke Korea Selatan dengan kejayaan berganda dari segi mengeratkan lagi hubungan dua hala antara kedua-dua negara dan menentukan hala tuju hubungan kerjasama dua hala dan serantau.

Kejayaan ini sudah tentu memberi makna besar kepada Malaysia yang akan mengambil alih kerusi Pengerusi Asean pada tahun depan.

"Lawatan ini dapat mengeratkan lagi hubungan Malaysia dan Korea Selatan serta menentukan hala tuju dalam aspek tertentu, sama ada dalam konteks hubungan dua hala mahupun dalam konteks Asean.

"Jelas bahawa Korea Selatan meletakkan kepentingan yang tinggi, Presiden Park Geun-Hye telah menyatakan bahawa dalam apa bentuk seni bina serantau sekalipun, dia tetap menghormati keutamaan Asean," kata perdana menteri sebagai menyimpulkan hasil lawatannya itu.

Najib, yang diiringi Datin Seri Rosmah Mansor mengadakan lawatan rasmi selama tiga hari sejak 9 Dis atas jemputan Presiden Park. Beliau meneruskan hari ketiga lawatannya itu dengan berkunjung ke bandar pelabuhan ini pada Khamis untuk menghadiri Sidang Kemuncak Peringatan Asean-Korea Selatan.

Perdana menteri telah mengundang Park untuk melawat Malaysia pada tahun hadapan yang kebetulan genap 55 tahun hubungan diplomatik dua negara ini.

"Presiden Park mempunyai pandangan positif terhadap Malaysia, juga dari sudut apa yang telah kita capai dari segi sebuah negara. Program transformasi," katanya.

Pada sidang kemuncak hari ini, kata Najib, Park turut menunjukkan kepada para delegasi inisiatif e-kerajaan dalam konteks Korea Selatan selain menggambarkan beberapa program penambahbaikan dari segi sistem penyampaian kerajaan yang dilakukan negara itu.

"Kita di Malaysia pun mempunyai program yang hampir sama, dan mencapai tahap prestasi yang membanggakan. Umpamanya kalau ke Pusat Transformasi Bandar (UTC) untuk ganti pasport antarabangsa, kita boleh dapat yang baharu dalam masa 45 minit dan ini barang kali adalah yang terpanjang di dunia.

"Banyak kejayaan yang kita capai di Malaysia yang tidak seharusnya diperkecilkan oleh kita sendiri," katanya.

Kunjungan rasmi Najib ke Korea Selatan, yang merupakan kali kedua selepas menjadi perdana menteri, juga membuka ruang yang luas kepada pertukaran pendapat dan pengalaman dalam pelbagai bidang.

Lawatan pertama beliau ialah pada April 2011.

Perdana menteri berkata di Korea Selatan, penggunaan teknologi maklumat (IT) adalah begitu meluas.

"Pada jamuan tengah hari tadi, ada satu keunikan yang belum pernah dilakukan mana-mana negara di mana setiap hidangan itu menunya akan timbul di depan tempat kita duduk, atas meja itu ada sensor, nama jenis makanan itu akan timbul bila hidangan itu sampai.

"Ada tujuh hidangan semuanya, tiap satu hidangan itu ada huraian, dan huraian untuk saya adalah dalam bahasa Malaysia," katanya.

Begitu juga dengan pengalaman perdana menteri menghadiri jamuan malam pada malam tadi apabila penggunaan IT bukan sahaja dibuat secara disesuaikan dengan individu, malah penggunaan IT yang canggih itu turut dijadikan satu kesenian yang segar dan dinamik.

Najib dan Rosmah berlepas pulang ke tanah air petang ini.

Delegasi Malaysia dalam lawatan rasmi ke Seoul sebelum ini turut di sertai Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Mustapa Mohamed, [Menteri Sains Teknologi dan Inovasi Datuk Dr Ewon Ebin](#) dan Timbalan Menteri Luar Negeri Datuk Hamzah Zainuddin.

Mustapa dan Hamzah turut menyertai delegasi Malaysia pada Sidang Kemuncak Peringatan Asean-Korea Selatan di sini.

-- BERNAMA



Penyelidik Perlu Bantu Rakyat Dalam Inovasi Mereka - Abu Bakar

Oleh Fadzli Ramli

ALOR GAJAH, 14 Dis (Bernama) -- Penyelidik di negara ini perlu keluar daripada 'tempurung' mentaliti stereotaip yang hanya mahu menyelidik tanpa memikirkan faktor penting lain di sebalik penyelidikan tersebut.

[Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi \(MOSTI\) Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah](#) berkata penyelidik perlu terlebih dahulu memikirkan faktor penting seperti sejauh mana hasil penyelidikan itu dapat dikomersialkan dan membantu rakyat sebelum melaksanakan sesuatu penyelidikan.

"Sebagai ahli akademik, saya sendiri rasa terkilan apabila terlalu sedikit hasil penyelidik di negara ini dapat dikomersilkan, lihat pada Rancangan Malaysia Ke-9 kerajaan membelanjakan RM3.2 billion untuk penyelidikan tetapi hanya 8.32 peratus hasilnya dapat dikomersialkan.

"Kalau ikutkan RM3.2 billion boleh buat lebih 6,000 rumah mampu milik beri percuma kepada rakyat tetapi tidak, kerajaan belanjakan jumlah itu kerana percaya hasil penyelidikan ini dapat bantu rakyat tetapi apa dihasilkan penyelidik ini mengecewakan," katanya kepada Bernama di sini.

Beliau ditemui pada majlis penutupan Karnival Penyelidikan, Rekacipta, Inovasi dan Reka Bentuk Universiti Teknologi MARA (UiTM) Melaka di sini, Ahad.

Karnival dua hari berakhir hari ini, turut dihadiri Rektor UiTM Melaka Prof Madya Dr Mohd Adnan Hashim dan disertai 242 kumpulan dari seluruh negeri.

Abu Bakar berkata penyelidik perlu mengikis sikap suka mendabik dada apabila hasil penyelidikan mereka memenangi anugerah atau kertas kerja penyelidikan mereka dapat dipersembahkan di pentas antarabangsa, kerana realitinya itu semua tiada makna sekiranya hasil kerja mereka gagal membantu rakyat.

"Di Parlimen, kementerian saya ditanya berapa banyak hasil penyelidikan telah dikomersialkan dan beri manfaat kepada rakyat, tak kan nak jawab dah dapat anugerah pingat itu semua sahaja...kerajaan sudah buat banyak perkara tetapi masalahnya hasil peringkat penyelidik ini," katanya.

Beliau berkata kerajaan telah melaksanakan pelbagai inisiatif untuk merangsang penyelidikan yang mampu membantu rakyat termasuk membiayai penyelidik mendapat kelulusan peringkat Doktor Falsafah (PhD), biayai penyelidikan dan membeli hasil penyelidikan itu.

"Kita ada dana RM50 juta beli hasil penyelidikan daripada penyelidik yang kerajaan sendiri biayai di mana hasil ini kita beri kepada sekolah, hospital atau tentera untuk kegunaan mereka, jadi beritahu saya apa lagi yang penyelidik ini mahu daripada kerajaan, semua sudah bagi," katanya.

Beliau menegaskan dalam mengejar status sebagai negara maju berpendapatan tinggi Malaysia tidak boleh kekal sebagai sebuah negara yang membeli inovasi baharu, sebaliknya perlu menjadi negara penyelidikan yang menghasilkan inovasi baharu.

Justeru, Abu Bakar berkata generasi penyelidik di negara ini perlu diasuh untuk berada di peringkat lebih tinggi daripada penyelidik sekarang seterusnya memastikan mereka memecah 'tempurung' yang diwarisi daripada penyelidik terdahulu.

"Penyelidik baharu perlu sentiasa fikir apakah langkah seterusnya, seperti penyelidikan mengenai lalat sekarang sudah banyak penyelidikan mengenai kitaran hidup lalat jadi jangan lah buat benda sama, fikir langkah seterusnya bagaimana hapuskan masalah lalat dengan apa kita tahu tentang kitaran hidupnya," katanya.

Beliau berkata hanya dengan berfikir 'apakah langkah seterusnya' penyelidik boleh sentiasa menghasilkan inovasi dan teknologi baharu untuk negara, jika tidak penyelidikan mereka akan terperangkap dalam kitaran penyelidikan yang sama.

Katanya, Malaysia dan para penyelidiknya perlu lebih berani dalam mengorak langkah meneroka inovasi dan teknologi baharu agar tidak ketinggalan dalam mengejar kemajuan.

"Sekarang rakyat Myanmar datang Malaysia kerana kita lebih maju, tetapi sekarang Myanmar berani dalam inovasi antaranya teroka teknologi nuklear tetapi orang kita masih takut lagi dengan nuklear, jangan sampai satu tahap orang Malaysia pula cari kerja di Myanmar kerana Malaysia sudah ketinggalan," katanya.

-- BERNAMA



UTP Anjur Persidangan Saintifik Ke-23 Persatuan Mikroskopi M'sia 2014

SERI ISKANDAR, 12 Dis (Bernama) -- Universiti Teknologi Petronas (UTP) hari ini menganjurkan Persidangan Saintifik ke-23 Persatuan Mikroskopi Malaysia 2014.

Ini adalah kali pertama UTP menganjurkan persidangan itu yang mengumpulkan pakar dan penyelidik untuk membentangkan dan membincangkan perkembangan terkini dalam aspek asas dangunaan mikroskopi serta keperluan pada masa depan.

Timbalan Naib Canselor Akademik UTP, Prof Ir Dr Ahmad Fadzil Mohd Hani dalam ucapannya berkata persidangan bertemakan 'Microscopy: Seeing at the Nanoscale' mengumpulkan pakar-pakar dan komuniti saintis dari pelbagai universiti dan institusi penyelidikan di Malaysia dalam semua aspek mikroskop berkaitan bidang sains fizikal dan kehidupan.

Beliau berkata sejak UTP diwujudkan pada 1997, ia komited bukan sahaja untuk melahirkan graduan yang serba boleh, diterima baik oleh industri tetapi juga untuk menempatkan UTP sebagai universiti penyelidikan bertaraf dunia.

"Untuk merealisasikan aspirasi ini, memupuk budaya penyelidikan dan meningkatkan aktiviti penyelidikan adalah penting untuk menyokong pertumbuhan pesat dalam inovasi dan teknologi selaras dengan Pelan Transformasi Kerajaan," katanya.

Ahmad Fadzil berkata selaku penganjur persidangan saintifik itu, UTP memainkan peranan penting untuk meningkatkan penjenamaan dan rangkaianannya dalam kalangan universiti awam, dengan itu melonjakkan UTP dalam misinya menjadi sebuah universiti yang diiktiraf dan pusat penyelidikan.

Persidangan tiga hari itu dirasmikan Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah.

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 14
TARIKH : 14 DISEMBER 2014 (AHAD)

Fakulti Kejuruteraan Kimia diiktiraf BEM

PENGIKTIRAFAN lima tahun akreditasi dari Lembaga Kejuruteraan Malaysia (BEM) untuk dua kursus iaitu Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) Kimia dan Proses (2014-2018) dan Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) Kimia dan Bio Proses membuktikan kualiti kedua kursus di Fakulti Kejuruteraan Kimia Universiti Teknologi MARA (UiTM).

Menurut Dekan FKK UiTM, **Prof. Madya Dr. Ayub Md. Som**, pencapaian tersebut adalah satu sejarah bagi fakulti yang dianggap termuda di antara fakulti kejuruteraan yang lain di UiTM.

"Kumpulan graduan pertama FKK-UiTM seramai 30 orang pada 2009 telah berjaya menamatkan kursus dan lebih membanggakan kesemuanya mendapat pekerjaan. Malahan ada yang sudah bekerja sebelum hari konvokesyen.

"Kejayaan kesemua pelajar dengan kualiti yang memenuhi keperluan industri adalah menepati piawaian yang digariskan badan profesional tempatan dan antarabangsa," katanya.

Ayub berkata, kemudahan makmal dan prasarana yang ada di UiTM menjadikan proses pembelajaran dan pengajaran berjalan lancar dan pembudayaan FKK sebagai pusat penyelidikan dan pembangunan (R&D) semakin mampan.

Katanya lagi, para pensyarah dan pelajar pasca siswazah diberi panduan oleh pihak FKK melalui bengkel, untuk menderaf kertas cadangan yang baik dan sempurna

bagi proses memohon geran penyelidikan dari pihak Kerajaan mahupun swasta.

"Kita bukan setakat membudayakan R&D malahan bagaimana untuk menderaf kertas kerja yang boleh menyakinkan pemberi geran penyelidikan juga kita beri tunjuk ajar. Bukan mudah pihak di luar sana mahu memberi geran jutaan

ringgit kepada kita, tambahan FKK merupakan fakulti yang masih baru di UiTM," katanya.

Mengulas mengenai kejayaan FKK UiTM, beliau berkata, Makmal Kejuruteraan Kimia di FKK mendapat pengiktirafan dari pihak Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (NIOSH) dan dianugerah Persijilan OHSAS 18001:2007 dan MS1722:2011.

Beliau menambah, Pensyarah FKK, UiTM, Prof. Ku Halim Ku Hamid mendapat kejayaan membanggakan dari **Agensi Nuklear Malaysia, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI).**

"Kejayaan lain pensyarah kami, Prof. Madya Zulkafli Hassan telah menerima Anugerah Pencapaian Cemerlang Bagi Fakulti Kejuruteraan Petroleum bagi Rantau Asia Pasifik oleh Kesatuan Jurutera Petroleum.

"Selain dari itu pensyarah-pensyarah kami berjaya mendapat



**PROF. MADYA DR. AYUB
MD. SOM**

geran dari pihak antarabangsa seperti yang diterima Dr. Ahmad Rafizan Mohamad Daud dari Pertubuhan Pencegahan Senjata Kimia (OCPW) berjumlah RM25,000 tahun ini. Sementara itu Dr. Syed Asghar Syed Hassan mendapat geran sebanyak RM44,000 daripada TWAS-COMSTECH pada tahun 2012," katanya.

Selain dari kejayaan pensyarah FKK, beliau sendiri adalah Pemeriksa Luar bagi Tesis pelajar Doktor Falsafah (PhD) Sekolah Kejuruteraan Kimia, Universiti of Queensland, Australia.

Katanya, beliau juga telah menjadi Ahli Lembaga Institut Kejuruteraan Kimia pada tahun 2013 dan ini merupakan satu pengiktirafan terhadap kemampuan FKK UiTM sebagai antara peneraju badan penilai tersebut.

"Selain dari pensyarah, pelajar kita turut cemerlang dalam bidang sukan hingga pernah menerima Anugerah Pasukan Terbaik pada Hari Intergrasi Petroleum di Surabaya, Indonesia tahun ini.

"Pelajar kita Nor Halina Mohd. Zaini mewakili negara dalam acara ragbi pada Sukan Asia Ke-17 di Incheon, Korea Selatan dan Mohd. Nazrul Syafiq menyertai Sukan Malaysia 2014 dalam acara Bola Tampar," katanya.

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 13
TARIKH : 14 DISEMBER 2014 (AHAD)



BANGUNAN ibu pejabat
TPM di Bukit Jalil.

TPM bersedia, sokong pelaksanaan GST

KUALA LUMPUR 13. Dis. - Technology Park Malaysia Corporation Sdn. Bhd. (TPM) menjadi antara syarikat milik kerajaan (GLC) atau syarikat-syarikat kerajaan (GOC) terawal mendaftar cukai barang dan perkhidmatan (GST) ke Jabatan Kastam Diraja Malaysia pada September lalu, sekaligus membuktikan kesungguhan syarikat dalam menyokong pelaksanaan sistem cukai baharu tersebut.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Ir. Mohd. Azman Shahidin berkata, pihaknya sudah bersedia dengan pelaksanaan sistem tersebut berikutan syarikat merupakan organisasi yang sedia patuh GST.

Malah, katanya, perniagaan TPM juga tidak akan terjejas dengan pelaksanaan GST berikutan kaedah perniagaan penyewaan premis TPM iaitu pembayaran cukai *output* boleh dituntut daripada JKDM.

Jelasnya, dari sudut perniagaan penyewaan premis, pembayaran cukai *output* tidak semestinya menyebabkan berlaku peningkatan dalam perbelanjaan-perbelanjaan penyewaan.

"Bagi perspektif perniagaan kami, pelaksanaan GST tidak menyebabkan peningkatan kos untuk melakukan perniagaan," katanya



Bagi perspektif perniagaan kami, pelaksanaan GST tidak menyebabkan peningkatan kos untuk melakukan perniagaan

MOHD. AZMAN SHAHIDIN
Presiden dan Ketua
Pegawai Eksekutif

di sini baru-baru ini.

TPM pada waktu ini mempunyai 218 buah syarikat pelaburan yang menyewa premis perniagaan di Bukit Jalil, di sini.

Dianggarkan sebanyak 60 peratus daripada penyewa itu mencapai perolehan tahunan melebihi RM500,000 dan mereka layak mendaftar GST.

Tambah Mohd. Azman, bagi menggalakkan penyertaan syarikat-syarikat yang menyewa di premis TPM mendaftar GST, TPM turut memainkan peranan dengan menjalankan program kesedaran GST pada September lalu sebagai satu daripada tanggungjawab korporat sosial (CSR) syarikat.

Katanya, gerai pendaftaran GST turut disediakan pada program tersebut yang mendapat maklum balas yang baik dalam kalangan penyewa.

Menurut beliau lagi, TPM juga dalam proses melakukan penukaran perisian perakauan persendirian kepada sistem perancangan sumber usahawan (ERP) patuh GST.

Katanya, sistem itu memerlukan penyelenggaraan pangkalan data vendor dan pelanggan.

"TPM kini sedang mengumpul maklumat daripada pelanggan dan vendor bagi mengemaskini data dan proses itu dijangka siap pada akhir bulan ini," ujarnya.

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (RENCAM) : MUKA SURAT 32
TARIKH : 14 DISEMBER 2014 (AHAD)

CyberSecurity
MALAYSIA

Diperas ugut kenalan Facebook

BUAT masa ini begitu banyak kes penipuan yang berlaku di negara ini. Boleh dikatakan hampir semuanya melibatkan sejumlah wang yang banyak. Biasanya sindiket peras ugut menggunakan laman rangkaian sosial sebagai platform. Kesannya kepada mangsa, mereka akan mengalami kerugian dan harga diri terjejas.

Modus operandi mereka pada mulanya, pemangsa akan mencari mangsa dengan berkenalan di laman sosial seperti Facebook.


Liza (bukan nama sebenar) gemar melayari laman sosial sama ada untuk mengemas kini status atau mencari kenalan baru. Wanita berusia pertengahan 30-an ini berkenalan dengan seorang pemuda melalui satu laman sosial.

Setelah beberapa hari berkenalan melalui laman sosial, pemuda berkenaan meminta mangsa menggunakan aplikasi Skype kononnya bertujuan untuk berkenalan dengan lebih dekat dengan melihat wajah mangsa menggunakan kamera video.

Tanpa disedari Liza, pemuda berkenaan berniat jahat. Beliau merakam segala aksi mangsa termasuk selepas memujuk mangsa agar menanggalkan pakaian serta aksi mangsa tidak berpakaian.

Rakaman dan gambar berkenaan dijadikan modal bagi mengugut mangsa agar memberikannya sejumlah wang. Jika tidak gambar dan rakaman agar disebarluaskan melalui laman sosial dan YouTube.

Mahu tidak mahu, Liza terpaksa membayar. Perkara tersebut berlanjutan sehingga wanita ini terpaksa berhutang. Atas nasihat kawan-kawan yang bersimpati, Liza membuat laporan polis dan kesnya dirujuk ke CyberSecurity bagi mencari penjenayah.



Tips

- 1 Pengguna Internet perlu berhati-hati dan berwaspada dengan kenalan di laman sosial.
- 2 Pastikan perisian dan sistem keselamatan yang digunakan sentiasa dikemas kini.
- 3 Sentiasa mematuhi dan praktikan panduan keselamatan

yang telah diberi oleh pengendali laman sosial.

- 4 Sebagai langkah pencegahan ketika menggunakan Skype. Sila rujuk konfigurasi berikut:
Go to > Tools > Options > Privacy > Only Allow IMs, Calls etc from People on my Contact List > SAVE

- 5 Laporkan segera kepada pihak polis & Cyber99 sertakan bukti-bukti berkaitan dalam aduan.

- 6 Berhenti dari pada terus berkomunikasi dengan pelaku.

BERITA ONLINE
BERNAMA.COM
TARIKH: 14 DISEMBER 2014 (AHAD)



Amaran Angin Kencang, Laut Bergelora Berterusan Hingga Khamis

KUALA LUMPUR, 14 Dis (Bernama) -- Angin kencang timur laut dan laut bergelora di kawasan perairan pedalaman, pantai barat dan Kudat, Labuan di Sabah dan Miri di Sarawak dijangka berterusan sehingga Khamis ini.

Jabatan Meteorologi Malaysia dalam kenyataan hari ini berkata angin kencang dan laut bergelora itu mencapai kelajuan 50 hingga 60 kilometer sejam (kmsj) manakala ombak mencapai ketinggian sehingga 4.5 meter dalam tempoh itu.

Menurut kenyataan jabatan itu, keadaan sama turut berlaku di kawasan perairan Condore, Reef North, Layang-layang, Palawan, Labuan, Samui, Tioman, Bunguran dan Reef South dalam tempoh yang sama.

Kawasan pantai di Kelantan, Terengganu, Pahang dan Johor Timur juga terdedah kepada kenaikan paras air laut sehingga Isnin.

Keadaan angin kencang dan laut bergelora itu berbahaya kepada semua aktiviti perkapalan dan pantai termasuk menangkap ikan dan perkhidmatan feri.

-- BERNAMA



Amaran Angin Kencang, Laut Bergelora Dijangka Hingga Khamis

KUALA LUMPUR, 14 Dis (Bernama) -- Amaran angin kencang dan laut bergelora kategori pertama di kawasan perairan Kelantan, Terengganu, Pahang, Johor Timur, Condore, Reef North, Layang-layang, Palawan, Sarawak dan Labuan dijangka berterusan sehingga Khamis ini.

Jabatan Meteorologi Malaysia dalam kenyataan pada Ahad berkata angin kencang dan laut bergelora itu mencapai kelajuan 40 hingga 50 kilometer sejam (kmsj) dan ombak mencapai ketinggian sehingga 3.5 meter dalam tempoh itu.

Di samping itu, kawasan pantai di Kelantan, Terengganu, Pahang dan Johor Timur juga terdedah kepada kenaikan paras air laut sehingga esok.

Angin kencang timur laut dan laut bergelora kategori kedua dengan kelajuan 50 hingga 60 kmsj dengan ombak mencapai ketinggian sehingga 4.5 meter pula dijangka berterusan di kawasan perairan Sabah, Labuan, Miri, Sarawak, Condore, Reef North, Layang-layang dan Palawan sehingga Khamis ini.

Keadaan angin kencang dan laut bergelora ini berbahaya kepada semua aktiviti perkapalan dan pantai, termasuk menangkap ikan, perkhidmatan feri dan rekreasi laut, menurut kenyataan itu.

-- BERNAMA



Amaran Angin Kencang, Laut Bergelora



Gambar Hiasan

KUALA LUMPUR, 12 Dis (Bernama) -- Angin kencang dan laut bergelora kategori pertama dijangka berterusan di perairan Kelantan, Terengganu, Pahang, Johor Timur dan Sarawak (Bintulu, Mukah, Rejang, Kuching) sehingga Khamis depan.

Menurut [Jabatan Meteorologi Malaysia](#) keadaan sama diramal berlaku di kawasan perairan Samui, Tioman, Bunguran dan Reef South dalam tempoh sama.

Kawasan pantai di Kelantan, Terengganu, Pahang dan Johor Timur juga terdedah kepada kenaikan paras air laut bermula Ahad (14 Dis) sehingga Isnin (15 Dis).

Angin kencang timur laut berkelajuan antara 40 dan 50 kilometer sejam (kmsj) dengan Ketinggian ombak sehingga 3.5 meter di kawasan itu berbahaya kepada bot kecil, aktiviti rekreasi dan sukan laut.

Menurut kenyataan itu lagi angin kencang timur laut dan laut bergelora kategori kedua dengan kelajuan 50 hingga 60 kmsj dan ombak mencapai ketinggian sehingga 4.5 meter dijangka berterusan di kawasan perairan Sabah (Pedalaman, Pantai Barat, Kudat), Labuan, Miri, Condore, Reef North, Layang-layang dan Palawan sehingga Khamis depan.

Keadaan angin kencang dan laut bergelora itu berbahaya kepada semua aktiviti perkapalan dan pantai termasuk menangkap ikan dan perkhidmatan feri, menurut kenyataan itu.

-- BERNAMA